papercollection



## BAHAGIAN A

[ 20 *markah* ]

*Bahagian ini mengandungi* **dua** *soalan. Jawab* **satu** *soalan sahaja.*

1 (a) Firman Allah SWT

> تُولِجُ ٱلَّيْلَ فِى ٱلنَّهَارِ وَتُولِجُ ٱلنَّهَارَ فِى ٱلَّيْلِ ۖ وَتُخْرِجُ ٱلْحَىَّ مِنَ ٱلْمَيِّتِ وَتُخْرِجُ
> ٱلْمَيِّتَ مِنَ ٱلْحَىِّ ۖ وَتَرْزُقُ مَن تَشَآءُ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿٢٧﴾
>
> سٌزة ال عًا ٌ 72

Ayat di atas menjelaskan tentang Sunnatullah.
Berdasarkan ayat:

i Apakah maksud Sunnatullah. [2 *markah*]

ii سيزا ضيغ يتهك ي تسغ كلنث [2 *markah*]

iii Jelaskan **dua** kekuasaan Allah. [4 *markah*]

iv Nyatakan hikmah proses kejadian manusia. [2 *markah*]

(b) Sabda Rasulullah SAW

> عَ ْ بِأَبِيْ يَعْ هَ شَدابِ ٍ أَ سِ زض َ اللهُ عَوْ ُ أَ زَسُ لَ اللهصه َ الله عيو
> سَلى قَالَ : إِ اللهَكتَبَ الْإِحسَا ٌ عَ هَ كُمِّ شَ ْ فَإِذَاقتَهْتُن فَأَحسِنُ االقِتْهَ
> إِذَا ذَبَحْتُنْ فَأَحسِنُ ا الرِبْحَ وَلْيُحِدَّ أَحَدكُنْ شَفرَتَهُ وَلْيُسِحْ ذَبِيْحَتَهُ
> ( زَاه هسى )

Hadis di atas menuntut umat Islam supaya berlaku ihsan terhadap binatang.
Berdasarkan hadis :

(i) Senaraikan **dua** jenis binatang yang harus dibunuh. [4 *markah*]

papercollection



(ii) Nyatakan **dua** perlakuan ihsan ketika menyembelih binatang. [2 *markah*]

(c) Tulis perkataan bergaris mengikut nombor dalam petikan di bawah menggunakan tulisan jawi.

| |
|---|
| (i) (ii) |
| Setiap anak wajib berbakti kepada ibu bapa. Segala jasa dan pengorbanan yang mereka curahkan sejak kita dilahirkan, besar dan tidak ternilai. Mereka juga merupakan (iii) orang yang paling rapat dengan anak-anak dan bertanggungjawab (iv) mendidik anak dari kecil hingga dewasa. |

[4 *markah*]

*papercollection*



2 (a) Firman Allah S.W.T

> وَهُوَ ٱلَّذِى يُرۡسِلُ ٱلرِّيَٰحَ بُشۡرَۢا بَيۡنَ يَدَىۡ رَحۡمَتِهِۦ ۖ حَتَّىٰٓ إِذَآ أَقَلَّتۡ سَحَابًا ثِقَالاً
> سُقۡنَٰهُ لِبَلَدٍ مَّيِّتٍ فَأَنزَلۡنَا بِهِ ٱلۡمَآءَ فَأَخۡرَجۡنَا بِهِۦ مِن كُلِّ ٱلثَّمَرَٰتِ ۚ كَذَٰلِكَ نُخۡرِجُ
> ٱلۡمَوۡتَىٰ لَعَلَّكُمۡ تَذَكَّرُونَ ﴿٥٧﴾ وَٱلۡبَلَدُ ٱلطَّيِّبُ يَخۡرُجُ نَبَاتُهُۥ بِإِذۡنِ رَبِّهِۦ ۖ وَٱلَّذِى
> خَبُثَ لَا يَخۡرُجُ إِلَّا نَكِدًا ۚ كَذَٰلِكَ نُصَرِّفُ ٱلۡأَيَٰتِ لِقَوۡمٍ يَشۡكُرُونَ ﴿٥٨﴾
>
> سورة ا .عراف 75-75

Ayat al-Quran di atas menceritakan sebahagian daripada kekuasaan Allah SWT. Berdasarkan ayat.

(i) ثلقالغست ي كهتيمغضازيس [2 *markah*]

(ii) Nyatakan **dua** rahmat Allah yang terkandung dalam ayat. [4 *markah*]

(iii) Jelaskan **dua** faedah daripada rahmat yang disebut dalam ayat di atas. [4 *markah*]

papercollection



(b) Sabda Rasulullah S.A.W.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: كُلُّ
سُلَامَى مِنَ النَّاسِ عَلَيْهِ صَدَقَةٌ كُلَّ يَوْمٍ تَطْلُعُ فِيهِ الشَّمْسُ تَعْدِلُ بَيْنَ الاثْنَيْنِ
صَدَقَةٌ ، وَتُعِينُ الرَّجُلَ فِي دَابَّتِهِ فَتَحْمِلُهُ عَلَيْهَا أَوْ تَرْفَعُ لَهُ عَلَيْهَا مَتَاعَهُ صَدَقَةٌ
، وَالْكَلِمَةُ الطَّيِّبَةُ صَدَقَةٌ، وَبِكُلِّ خُطْوَةٍ تَمْشِيهَا إِلَى الصَّلَاةِ صَدَقَةٌ ، وَتُمِيطُ
الأَذَى عَنِ الطَّرِيقِ صَدَقَةٌ .

رواية البخاري

Hadis di atas menjelaskan tentang amalan bersedekah.
Berdasarkan hadis:

(i) Nyatakan **dua** amalan sedekah tersebut. [2 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** kesan sedekah kepada penerimanya. [4 *markah*]

(c) Tulis petikan di bawah menggunakan tulisan jawi.

| |
|---|
| Pelajar Islam mesti menghayati sifat ikhlas dalam pembelajaran agar mereka belajar dengan tekun bukannya kerana pujian. |

[4 *markah*]

papercollection



BAHAGIAN B.

[ 80 *markah* ]

*Jawab* **semua** *soalan.*

3 (a) Kejadian alam dan isi kandungannya membuktikan kewujudan Allah SWT.

(i) Apakah bukti kewujudan Allah S.W.T berdasarkan kejadian manusia. [2 *markah*]

(ii) Berikut ialah proses kejadian manusia. Lengkapkan proses kejadian tersebut.




[4 *markah*]

(b) Ar-Rahman bermaksud Allah SWT Maha Pemurah.

(i) Nyatakan **dua** bukti yang menunjukkan Allah SWT bersifat Maha Pemurah. [2 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** perbezaan antara sifat Ar-Rahman dengan Ar- Rahim. [4 *markah*]

(c) Mukjizat ialah perkara luar biasa yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada Rasul.

(i) Nyatakan jenis-jenis mukjizat. [2 *markah*]

(ii) Terangkan **dua** tujuan Allah SWT mengurniakan mukjizat kepada para Rasul. [4 markah]

(iii) Apakah contoh mukjizat Nabi Muhammad SAW. [2 markah]

papercollection



4 (a) Antara solat-solat sunat ialah solat sunat Tahiyatulmasjid dan solat sunat Rawatib.

(i) Apakah maksud solat sunat Tahiyatulmasjid? [2 *markah*]

(ii) Senaraikan **dua** contoh solat sunat Rawatib. [2 *markah*]

(iii) Terangkan **dua** hikmat solat sunat Rawatib. [4 *markah*]

(b) Bulan Ramadhan merupakan bulan yang penuh keberkatan.

(i) Jelaskan **dua** keistimewaan Malam Lailatulqadar. [4 *markah*]

(ii) Huraikan **dua** kelebihan orang yang berpuasa di bulan Ramadhan. [4 *markah*]

Soalan 4(c) (i) hingga 4 (c) (iv) berdasarkan jadual 1.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Wajib | Sunat | Haram | Makruh | Harus |

Jadual 1

(c) Berdasarkan Jadual 1 di atas, nyatakan hukum bagi situasi berikut:

(i) Hasanah menunaikan solat dua rakaat sebelum menunaikan solat Subuh [ 1 *markah*]

(ii) Aminah merasa makanan semasa memasak juadah berbuka puasa. [1 *markah*]

(iii) Zahid berbuka puasa ketika dalam perjalanan dari Kangar ke Kuala Lumpur. [1 *markah*]

(iv) Pak Ali berpuasa pada 11 Zulhijjah. [1 *markah*]

5 (a) Masyarakat Arab Jahiliah adalah masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam.

(i) Nyatakan **dua** golongan masyarakat Arab Jahiliyah. [2 *markah*]

(ii) Senaraikan **dua** kepercayaan masyarakat Arab Jahiliyah. [2 *markah*]

(b) Peristiwa Pembukaan Kota Mekah adalah bukti kejayaan dakwah Rasulullah SAW.

(i) Terangkan faktor kejayaan Pembukaan Kota Mekah. [2 *markah*]

(ii) Jelaskan kesan Pembukaan Kota Mekah. [2 *markah*]

(c) Saidina Umar al-Khattab merupakan salah seorang sahabat Rasulullah SAW yang terkenal dengan sifat berani.

(i) Huraikan riwayat hidup beliau secara ringkas. [4 *markah*]

(ii) Buktikan keberanian Saidina Umar al-Khattab. [2 *markah*]

papercollection



Soalan 5(c) (i) dan 5 (c) (ii) berdasarkan jadual 2.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| أَنفُسِكُم | وَتَنزِع | وَيُعَذِّب | ٱلْمُلْك | ٱلسَّمَـٰوَٰت | وَتُذِل |

Jadual 2

(d) Berdasarkan jadual , isi tempat kosong di bawah dengan jawapan yang betul. Anda dikehendaki menulis jawapan sahaja.

(i)

لِّلَّهِ مَا فِى ......(i).... وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ وَإِن تُبْدُوا۟ مَا فِىٓ .......(ii)... أَوْ تُخْفُوهُ يُحَاسِبْكُم
بِهِ ٱللَّهُ ۖ فَيَغْفِرُ لِمَن يَشَآءُ ......(iii)... مَن يَشَآءُ ۗ وَٱللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٨٤﴾

سُرزاقبـقسة 782

[3 *markah*]

(ii)

قُلِ ٱللَّهُمَّ مَـٰلِكَ ......(i)... تُؤْتِى ٱلْمُلْكَ مَن تَشَآءُ .........(ii)... ٱلْمُلْكَ مِمَّن تَشَآءُ
وَتُعِزُّ مَن تَشَآءُ ......(iii)... مَن تَشَآءُ ۖ بِيَدِكَ ٱلْخَيْرُ ۖ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٦﴾

سورة ال عمران 26

[3 *markah*]

*papercollection*



6 (a) Tujuan hidup orang beriman ialah untuk beribadah kepada Allah SWT

(i) Nyatakan **dua** adab beribadat kepada Allah SWT. [2 *markah*]

(ii) Terangakan **dua** perbezaan antara ibadat dengan adat. [*4 markah*]

(b) Menjaga harta benda sekolah merupakan tanggungjawab setiap warga sekolah.

(i) Nyatakan **dua** faktor yang mendorong pelajar merosakkan harta benda sekolah. [2 *markah*]

(ii) Apakah tindakan anda apabila melihat sekumpulan pelajar sedang merosakkan harta benda sekolah. [2 *markah*]

(c) Majlis bermaksud tempat duduk atau tempat berhimpun yang dihadiri ramai orang kerana sesuatu tujuan.

(i) Senaraikan **tiga** adab bercakap dalam majlis. [3 *markah*]

(ii) Jelaskan **dua** akibat tidak beradab ketika bercakap. [4 *markah*]

(iii) Nyatakan **tiga** kelebihan bercakap benar. [3 *markah*]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

papercollection



**BAHAGIAN A**

[20 *markah*]

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **1** | (a) | (i) | Maksud Sunnatullah:<br>➢ Ketentuan dan peraturan Allah SWT ke atas sesuatu kejadian. | 1x2m = 2m |
| | | (ii) | Maksud perkataan bergaris:<br>➢ Waktu malam<br>➢ Dan engkau memberi rezeki. | 2x1m = 2m |
| | | (iii) | **Dua** Kekuasaan Allah SWT dalam ayat:<br>➢ Menggantikan malam dengan waktu siang.<br>➢ Menggantikan siang dengan waktu malam.<br>➢ Menghidupkan semula manusia.<br>➢ Mematikan manusia yang hidup.<br>➢ Memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki. | 2x2m = 4m |
| | | (iv) | Hikmat proses kejadian manusia:<br>➢ Mengajar manusia supaya menjalani kehidupan dengan penuh disiplin.<br>➢ Manusia perlu membuat perancangan dalam melakukan aktiviti.<br>➢ Membuktikan kekuasaan dan kebijaksanaan Allah SWT dalam ciptaannya.<br>➢ Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 1x2m = 2m |
| | (b) | (i) | **Dua** jenis binatang yang harus dibunuh:<br>➢ Binatang yang berbahaya, berbisa dan beracun seperti ular, lipan dan kala jengking.<br>➢ Binatang buas dan ganas seperti harimau dan singa.<br>➢ Burung yang menyambar mangsa dengan kuku seperti helang.<br>➢ Binatang perosak , kotor dan memudharatkan seperti lalat, tikus dan cicak. | 2x2m = 4m |
| | | (ii) | **Dua** perlakuan ihsan ketika meyembelih binatang.<br>➢ Memberi minum kepada binatang sembelihan sebelum disembelih.<br>➢ Membaringkan di tempat yang rata.<br>➢ Menggunakan pisau yang tajam.<br>➢ Melakukan sembelihan secara cepat dgn sebaik-baiknya.<br>➢ Tidak menheretnya secara kasar/seksa badannya ketika dibawa ke tempat sembelihan.<br>➢ Tidak menyembelih binatang yg sedang bunting/ sedang menyusu anak.<br>➢ Tidak tergesa-gesa melapah binatang sebelum benar-benar mati. | 2x1m = 2m |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (c) | | Menjawikan: | |
| | | (i) | ستياف اوق واجب بسيوقتي | 1x1m = 1m |
| | | (ii) | سضا. جاس دارفد ورغ باوه | 1x1m = 1m |
| | | (iii) | اورغ فغالي غافت | 1x1m = 1m |
| | | (iv) | منيقي اوق دريكخل | 1x1m = 1m |
| | | | ➢ Kesalahan lebih daripada separuh tiada markah.<br>➢ Huruf cerai tidak diterima<br>➢ Ejaan mengikut kaedah DBP | |
| **2** | (a) | (i) | Maksud perkataan bergaris:<br>➢ Yang baik.<br>➢ Orang yang bersyukur. | 2x1m = 2m |
| | | (ii) | **Dua** rahmat Allah yang terkandung dalam ayat:<br>➢ Hujan<br>➢ Angin<br>➢ Buah-buahan / tumbuh-tumbuhan<br>➢ Tanah yang subur | 2x2m = 4m |
| | | (iii) | **Dua** faedah rahmat di atas:<br>➢ Kemudahan hidup manusia.<br>➢ Menyuburkan tanah.<br>➢ Sumber ekonomi.<br>➢ Mana-mana jawapan yang sesuai diiterima. | 2x2m = 4m |
| | (b) | (i) | **Dua** amalan sedekah yang terdapat dalam hadis di atas.<br>➢ Melakukan keadilan di antara dua orang<br>➢ .Membantu orang menaiki kenderaan atau mengangkat barang-barang untuknya.<br>➢ Percakapan dengan menggunakan perkataan yang baik.<br>➢ Berjalan untuk menunaikan solat.<br>➢ Membuang perkara yang menyakiti di jalan.<br>➢ Mana-mana jawapan yang sesuai berdasarkan hadis | 2x1m = 2m |
| | | (ii) | **Dua** kesan sedekah kepada penerimanya:<br>➢ Dapat memberi motivasi ke arah berdikari dalam mempertingkatkan taraf hidup.<br>➢ Hilang sifat hasad dengki dan tidak puas hati terhadap orang kaya.<br>➢ Dapat sama-sama menikmati pemberian Allah.<br>➢ Mana-mana jawapan yang munasabah diterima | 2x2m = 4m |
| | (c) | | Menjawikan. | |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (i)<br><br>(ii)<br><br>(iii)<br><br>(iv) | فلاجر إسلام مڠحياتي<br>صفة اخلاص دالم فمبلاجرن<br>اضرمريك بلاجر د غه<br>كونولكثكرافوجيه | 1x1m = 1m<br><br>1x1m = 1m<br><br>1x1m = 1m<br><br>1x1m = 1m |
| | | | ➢ Kesalahan lebih daripada separuh tiada markah.<br>➢ Huruf cerai tidak diterima<br>➢ Ejaan mengikut kaedah DBP | |

papercollection



## BAHAGIAN B

[80 *markah*]

<table>
<tr><td>3</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Bukti kewujudan Allah SWT berdasarkan kejadian manusia<br>➢ Kejadian manusia yang unik.<br>➢ Kewujudan roh di dalam diri manusia.<br>➢ Allah SWT menghidupkan manusia di dalam rahim<br>➢ Dijadikan manusia sebaik-baik kejadian.</td><td>1x2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Proses kejadian manusia<br>(i) Segumpal darah.<br>(ii) Seketul daging<br>(iii) Tulang belulang<br>(iv) Tulang disaluti daging.</td><td>4x1m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Dua bukti Allah SWT bersifat pemurah.<br>➢ Mencipta alam untuk kemudahan manusia.<br>➢ Menganugerahkan akal fikiran yang cerdas.<br>➢ Mengurniakan kesihatan tubuh badan.<br>➢ Mencurahkan rezeki.<br>➢ Menurunkan kitab suci Al-Quran sebagai pedoman<br>➢ Mengutuskan Rasulullah SAW sebagai pembimbing.<br>➢ mana-mana jawapan yang sesuai diterima.</td><td>2x1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua perbezaan antara sifat Ar-Rahman dengan Ar-Rahim:<br><table><tr><th>Ar-Rahman</th><th>Ar-Rahim</th></tr><tr><td>➢ Untuk semua makhluk.</td><td>➢ Untuk orang mukmin sahaja.</td></tr><tr><td>➢ Untuk nikmat di dunia sahaja seperti kekayaan, kesihatan dll</td><td>➢ Untuk nikmat di dunia dan di akhirat seperti nikmat Islam, iman, pahala, syurga dll</td></tr></table></td><td>2x2m = 4m</td></tr>
<tr><td></td><td>(c)</td><td>(i)</td><td>Jenis-jenis mukjizat:<br>➢ Mukjizat Hissi<br>➢ Mukjizat Maknawi</td><td>2x1m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua tujuan Allah SWT mengurniakan mukjizat kepada para rasul.<br>➢ Membuktikan kekuasaan Allah SWT.<br>➢ Meyakinkan manusia supaya beriman kepada Allah SWT dan Rasul.<br>➢ Mengukuhkan keimanan.<br>➢ Membuktikan kerasulan.<br>➢ Memudahkan rasul berdakwah.<br>➢ Untuk menghadapi ancaman musuh.</td><td>2x2m = 4m</td></tr>
</table>

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | Contoh mukjizat Nabi Muhammad SAW:<br>➢ Keluar air dari celah jari baginda<br>➢ Bulan terbelah dua<br>➢ Al-Quran<br>➢ Mana-mana mukjizat Nabi Muhammad saw diterima. | 1x2m=2m |
| **4** | (a) | (i) | Maksud solat sunat Tahiyatulmasjid:<br>➢ Solat sunat 2 rakaat yang dilakukan sebaik sahaja seseorang itu masuk ke dalam masjid. | 1x2m = 2m |
| | | (ii) | **Dua** contoh solat sunat Rawatib:<br>➢ Solat sunat 2 rakaat sebelum solat subuh.<br>➢ Solat sunat 2 rakaat sebelum solat Zohor.<br>➢ Solat sunat 2 rakaat selepas solat Zohor.<br>➢ Solat sunat 2 rakaat sebelum solat Asar<br>➢ Solat Sunat 2 rakaat selepas solat Maghrib.<br>➢ Solat sunat 2 rakaat sebelum solat Isyak<br>➢ Solat sunat 2 rakaat selepas solat Isyak. | 2x1m = 2m |
| | | (iii) | **Dua** hikmat solat sunat Rawatib:<br>➢ Mendidik diri sentiasa beradab dan berdisiplin.<br>➢ Membentuk sifat baik dalam diri.<br>➢ Menyempurnakan kekurangan pahala solat fardhu.<br>➢ Membentuk sifat ihsan dalam diri.<br>➢ Mana-mana jawapan yang munasabah diterima. | 2x2m = 4m |
| | (b) | (i) | **Dua** keistimewaan malam Lailatulqadar.<br>➢ Ibadat pada malam tersebut lebih baik daripada ibadat seribu bulan.<br>➢ Turunnya malaikat membawa rahmat.<br>➢ Malam yang diberkati.<br>➢ Doa diperkenankan.<br>➢ Dosa diampunkan.<br>➢ Pahala berganda.<br>➢ Malam diturunkan Al-Quran. | 2x2m = 4m |
| | | (ii) | **Dua** kelebihan orang yang berpuasa di bulan Ramadhan.<br>➢ Menjana kekuatan rohani dan jasmani.<br>➢ Melatih diri dengan sifat sabar dan ikhlas.<br>➢ Menimbulkan perasaan keinsafan pada diri<br>➢ Melahirkan perasaan belas kasihan terhadap fakir miskin. | 2x2m = 4m |
| | (c) | | Hukum bagi situasi: | |
| | | (i) | Sunat | 1x1m = 1m |
| | | (ii) | Makruh | 1x1m = 1m |
| | | (iii) | Harus | 1x1m = 1m |
| | | (iv) | Haram | 1x1m = 1m |

papercollection



| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **5** | (a) | (i) | **Dua** golongan masyarakat Arab Jahiliah:<br>➢ Golongan Badwi<br>➢ Golongan Hadhari | 2x1m = 2m |
| | | (ii) | **Dua** kepercayaan masyarakat Arab Jahiliah:<br>➢ Agama menyembah berhala<br>➢ Agama Yahudi<br>➢ Agama Majusi<br>➢ Agama kristian<br>➢ Agama Hanif<br>➢ Agama menyembah alam. | 2x1m = 2m |
| | (b) | (i) | Faktor kejayaan Pembukaan Kota Mekah:<br>➢ Perpaduan umat Islam<br>➢ Strategi Rasulullah SAW yang berkesan<br>➢ Semangat Jihad umat Islam<br>➢ Tentera musyrikin semakin lemah kerana ramai yang telah memeluk Islam.<br>➢ Keunggulan Rasulullah SAW sebagai pemimpin<br>➢ Perubahan sikap penduduk Mekah yang mahu menerima Islam secara terbuka. | 1x2m = 2m |
| | | (ii) | Kesan pembukaan kota Mekah.:<br>➢ Dakwah Islam dapat dijalankan secara terang-terangan.<br>➢ Ramai orang kafir Quraisy memeluk Islam.<br>➢ Umat Islam dapat menunaikan ibadat tanpa gangguan.<br>➢ Tanah Haram Mekah menjadi kawasan larangan orang bukan Islam.<br>➢ Masyarakat Mekah saling bekerjasama dan hidup aman damai. | 1x2m = 2m |
| | (c) | (i) | Riwayat hidup Saidina Umar Al-Khatab:<br>➢ Nama sebenar ialah Umar bin Al-Khatab bin Nufail bin Abdul Uzza.<br>➢ Berketurunan bani Adi, Quraisy.<br>➢ Dilahirkan pada tahun 584 Masihi ( 13 tahun selepas kelahiran Rasulullah SAW )<br>➢ Dilahirkan di Mekah Al-Mukarramah<br>➢ Digelar Al-Faruq yang bermaksud pemisah antara hak dengan batil.<br>➢ Wafat pada Bulan Zulhijjah tahun 23 Hijrah ketika berusia 63 tahun. | 4x1m = 4m |
| | | (ii) | Bukti keberanian Saidina Umar Al-Khattab.<br>➢ Mencabar sesiapa yang berani menghalangnya berhijrah ke Madinah secara terbuka.<br>➢ Mengisytiharkan keislamannya di khalayak ramai.<br>➢ Mendirikan solat secara terang-terangan.. | 1x2m = 2m |

papercollection



<table>
<tr><td></td><td>(d)</td><td></td><td>Mengisi tempat kosong:</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(i)</td><td>(i) ٱلسَّمَـٰوَٰت<br>(ii) أَنفُسِكُم<br>(iii) وَيُعَذِّب</td><td>3x1m = 3m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>(i) ٱلۡمُلۡك<br>(ii) وَتَنزِع<br>(iii) وَتُذِل</td><td>3x1m = 3m</td></tr>
<tr><td>6</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Dua adab beribadat kepada diterima Allah SWT:<br>➢ Niat ikhlas kerana Allah SWT<br>➢ Beribadat mengikut cara yang ditetapkan oleh syarak.<br>➢ Sentiasa mengharapkan ganjaran berterusan daripada Allah.<br>➢ Melakukan ibadat dengan bersungguh-sugguh dan beretika.<br>➢ Melakukan ibadat dengan hati yang khusyuk.<br>➢ Berpakaian kemas dan bersih.</td><td>1x2m = 2m</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>Dua perbezaan antara ibadat dengan adat:
<table>
<tr><th>Ibadat</th><th>Adat</th></tr>
<tr><td>➢ Ditentukan oleh syarak</td><td>➢ Menjadi kebiasaan dalam kehidupan sesuatu umat.</td></tr>
<tr><td>➢ Tidak boleh diubah suaikan.</td><td>➢ Berubah mengikut budaya sesuatu masyarakat.</td></tr>
<tr><td>➢ Terdiri daripada perkara wajib dan sunat.</td><td>➢ Terdiri daripada perkara harus.</td></tr>
<tr><td>➢ Berdasarkan Al-Quran dan Hadis.</td><td>➢ Ada yang bersesuaian dengan Al-Quran dan hadis dan ada yang bertentangan.</td></tr>
<tr><td>➢ Mendapat pahala daripada Allah SWT.</td><td>➢ Mendapat pahala mengikut niat.</td></tr>
</table></td><td>2x2m = 4m</td></tr>
</table>

papercollection



| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | (b) | (i) | **Dua** faktor yang mendorong murid merosakkan harta benda sekolah:<br>➢ Tiada sikap bertanggungjawab<br>➢ Sikap ingin mencuba.<br>➢ Kurang didikan agama.<br>➢ Pengaruh rakan sebaya.<br>➢ Sikap ganas pelajar yang suka elakukan kerosakan..<br>➢ Tiada kesedaran sivik.<br>➢ Mana-mana jawapan yang sesuai diterima. | 2x1m = 2m |
| | | (ii) | Tindakan terhadap sekumpulan murid yang sedang merosakkan harta benda sekolah:<br>➢ Menasihati supaya tidak merosakkan.<br>➢ Melaporkan kepada guru disiplin.<br>➢ Mana-mana jawapan yang sesuai diterima. | 1x2m = 2m |
| | (c) | (i) | **Tiga** adab bercakap dalam majlis:<br>➢ Sesuaikan percakapan dengan majlis yang dihadhiri.<br>➢ Bercakap benar dalam semua keadaan.<br>➢ Memberi peluang orang lain bercakap dan hormati pendapat mereka.<br>➢ Bercakap benda-benda yag berfaedah.<br>➢ Merendahkan suara dan merendah diri.<br>➢ Mana-mana jawapan yang sesuai diterima. | 3x1m = 3m |
| | | (ii) | **Dua** akibat tidak beradab ketika bercakap dalam majlis.<br>➢ Sukar menyelesaikan masalah.<br>➢ Keras hati dan jiwa tidak tenang.<br>➢ Mencetuskan perbalahan dan perpecahan.<br>➢ Mendapat dosa dan dibenci oleh Allah SWT.<br>➢ Tidak dipercayai masyarakat.<br>➢ Mana-mana jawapan yang sesuai diterima. | 2x2m = 4m |
| | | (iii) | **Tiga** kelebihan bercakap benar:<br>➢ Dipercayai masyarakat.<br>➢ Jauh daripada sifat nifak.<br>➢ Diampuni dan diredhai oleh Allah SWT.<br>➢ Dapat atasi tipu daya syaitan.<br>➢ Terhindar daripada dosa besar.<br>➢ Mana-mana jawapan yang sesuai diterima. | 3x1m = 3m |

**KERTAS PEMARKAHAN TAMAT**